

KEPERLUAN KAUNSELING ISLAM SEBAGAI INOVASI DALAM AMALAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING

Md Noor bin Saper
md.noor@fpm.upsi.edu.my

ABSTRACT

The development of modernism adopts a practical approach to intervention and meets the full range of human psychological needs. The rise of social issues in a growing society requires a new, more objective and practical approach in line with human development needs. The emergence of Islamic counseling in the 80's in Malaysia is considered as a new innovation in the world of counseling that complements the existing practices of counseling in the western countries, the development of psychology and religious-oriented counseling has contributed to the existence of spiritual counseling and pastoral counseling. Many researchers have discussed the relevance of spiritual issues in counseling and psychotherapy. Religious elements are seen as being capable to provide insight, improve self-concept and mental health while addressing clients' various issues. This article focuses on the need of Islamic counseling as a new innovation in guidance and counseling services. A preliminary survey of interviews was conducted with 8 experts and practitioners in Islamic religion, psychology, and counseling. The findings indicate the need for practice of Islamic counseling as an innovation in counseling that can help to address issues of student misconduct, increased resilience, improved religious appreciation and help personal development.

Keywords: intervention, religious, Islamic perspective, guidance, counseling

ABSTRAK

Perkembangan modenisme hari ini menggarap satu pendekatan intervensi yang praktikal serta memenuhi keperluan psikologikal insan yang menyeluruh. Peningkatan isu-isu sosial dalam masyarakat yang semakin meningkat memerlukan satu pendekatan baru yang lebih objektif dan praktikal sejajar dengan keperluan perkembangan manusia. Kemunculan kaunseling Islam dalam era 80an di Malaysia dianggap sebagai inovasi baru dalam dunia kaunseling yang merupakan pelengkap kepada amalan kaunseling sedia ada. Di barat perkembangan psikologi dan kaunseling berperspektif agama sudah semakin jauh kedepan sehingga wujudnya aliran kaunseling spiritual dan kaunseling pastoral. Ramai pengkaji telah membincangkan kerelevanan isu spiritual dalam kaunseling dan psikoterapi. Elemen keagamaan dilihat mampu memberi celik akal, meningkatkan konsep sendiri, meningkatkan kesihatan mental di samping menangani pelbagai permasalahan klien. Penulisan ini berfokus kepada keperluankaunseling Islam sebagai inovasi baru dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Satu tinjauan awal melalui temubual telah dilakukan ke atas 8 orang pakar dan pengamal dalam bidang agama, psikologi, dan kaunseling berperspektif Islam. Dapatan menunjukkan keperluan kepada amalan kaunseling Islam sebagai inovasi dalam kaunseling yang boleh membantu menangani isu salah laku pelajar, meningkatkan resiliensi, meningkatkan penghayatan agama di samping membantu perkembangan diri.

Kata kunci: Intervensi, Keagamaan, Perspektif Islam, Bimbingan, Kaunseling

PENDAHULUAN

Kepesatan pembangunan pasca modenisme sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat telah mendatangkan banyak perubahan kepada masyarakat. Situasi ini telah memberikan implikasi yang pelbagai samaada secara positif atau sebaliknya. Dalam situasi ini manusia yang tidak seimbang dari aspek keperluan jasmani dan rohani akan mudah mengalami tekanan dan kecelaruan kehidupan. Pelbagai isu dan kesulitan melingkari kehidupan sama ada berkaitan dengan isu keluarga, pelajaran, kewangan, hubungan interpersonal dan seumpamanya kerap kali mengganggu seseorang untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sebaik mungkin. Masalah yang wujud bukan hanya terhad dalam ruang lingkup kehidupannya sahaja, malah melibatkan keadaan persekitaran. Justeru itu, perkhidmatan kaunseling yang benar-benar bermakna sangat diperlukan dalam usaha membantu manusia mencari jalan keluar bagi membina kesejahteraan dalam kehidupan mereka.

Sudah sampai masanya pengamal kaunseling di Malaysia dan nusantara mengorak langkah mengetengahkan pendekatan yang benar-benar memberi makna dan memenuhi keperluan semasa. Kaunseling Islam dianggap satu pendekatan yang mampu memenuhi keperluan manusia secara menyeluruh. Ianya juga sesuai dilaksanakan merentas geografi dan budaya. Kesejahteraan manusia melingkari keseimbangan psikologikal dan spiritual yang ditumpukan dalam kaunseling Islam dapat memenuhi perkembangan manusia secara seimbang.

Pernyataan Masalah

Menurut laporan Rancangan Malaysia Kesembilan (2006 – 2010), masalah sosial seperti kes penagihan dadah, sumbang mahram dan rogol menunjukkan peningkatan ketara dengan penagihan dadah di kalangan belia meningkat daripada 24,940 kes pada 2001 kepada 41,684 kes pada 2005, manakala kes rogol meningkat daripada 662 kes pada 2001 kepada 919 kes pada 2005 (Ismail, 2009).

Isu salah laku dan penghakisan nilai semakin membimbangkan dan perlu diambil perhatian yang serius (Abdul Halim, 2000; Amla, 2004; Saadah, Salwan & Roslee, 2008; Othman, 2008) di mana antara puncanya adalah dari kemerosotan pegangan nilai agama. Elemen keagamaan dan spiritual merupakan sebahagian dari keperluan perkembangan dan pembangunan manusia (Miller, 1999; Myers & Williard, 2003; Gallup, 2008) di samping dapat meningkatkan emosi, kesihatan mental dan keberfungsian sosial (Wignild & Young, 1993).

Antara faktor keterlibatan isu salah laku dan delinkuen adalah faktor lemahnya amalan keagamaan mereka (Jamiah, Azimi & Hasnan, 2006). Intervensi pendekatan keagamaan dapat membantu mencegah, merawat dan mengurangkan keterlibatan remaja kepada masalah tingkah laku (Donahue & Benson, 1995; Hawkins, 2009). Pendekatan agama dapat meningkatkan kesihatan mental, keberfungsian sosial dan kualiti hidup. Sehubungan dengan itu juga elemen spiritual yang positif dapat meningkatkan kualiti kehidupan dan keefisienan hubungan interpersonal (Graham, Furr, Flowers & Burke, 2001)

Justeru itu tidak hairan sekiranya sarjana barat telah mula mengalih pandangan kepada bimbingan dan kaunseling yang mencerap unsur-unsur spiritual dan agama. Terdapat banyak artikel yang ditulis mengaitkan isu agama dan kerohanian dalam

kesihatan mental seperti kaunseling dan psikoterapi diterbitkan dalam jurnal-jurnal utama dalam bidang ini, di samping pembentangan di konvensyen dan seminar kesihatan mental (Sapora, 2009). Ramai pengkaji telah membincangkan kerelevanan isu spiritual dalam kaunseling dan psikoterapi (Allen, Jackie, Coy & Rhea 2004; Bruce, Alice, Cockreham & Debbie, 2004 ; Belaire, Christine & Scott, 2000; Curtis, Russell, Davis & Keith, 1999; Everts & Agee, 1995; Graham, Furr, Flores & Burke, 2001; Hall, Dixon & Mauzey, 2004; Kelly, 1994)

Elemen keagamaan dalam proses bimbingan dan kaunseling perlu diketengahkan. Hal ini dibuktikan dengan kajian yang menggunakan modul bimbingan dan kaunseling yang mencerap perspektif spiritual dan keagamaan dapat mengurangkan tekanan dan kebimbangan sosial di samping meningkatkan konsep sendiri sampel (Finney & Maloney, 1985). Dari perspektif Islam, elemen agama dilihat mampu menangani pelbagai masalah klien. Intervensi dalam Islam melihat permasalahan manusia sehingga kepada punca sebenar sesuatu masalah (Malik Badri, 1995). Menurut Malik Badri (1997), berdasarkan pengalaman dalam melakukan intervensi, beliau telah menggabungkan kaedah kognitif dan tingkah laku dengan ajaran Islam di mana klien beliau telah menunjukkan perubahan yang positif.

Inovasi kepada intervensi melalui pendekatan kaunseling Islam sangat relevan. Menurut Malik Badri (2001), pakar psikologi dan kaunseling Islam seharusnya tidak hanya mengamalkan pendekatan kaunseling barat yang sedia ada. Mereka perlu menyedari peranan mereka dalam masyarakat dengan melakukan kajian-kajian berkaitan perkhidmatan mereka.

Meskipun kaunseling berperspektif Islam di Malaysia sudah mula memperlihatkan perkembangannya namun ianya belum mencapai tahap yang diterima oleh pengamal secara menyeluruh (Wan Abd Kader & Ismail, 2006). Mengapakah kaunseling keagamaan masih tidak diamalkan secara menyeluruh? Asaadapakah kaunseling keagamaan benar-benar dapat membantu permasalahan yang dihadapi klien? Apakah kaunseling keagamaan diperlukan oleh kaunselor dalam perkhidmatan mereka?. Justeru itu, tinjauan awal untuk melihat pandangan pakar berkaitan keperluan kepada inovasi baru melalui kaunseling Islam adalah bertepatan.

METOD KAJIAN

Kajian ini merupakan tinjauan awal berkaitan keperluan kepada inovasi dalam perkhidmatan kaunseling melalui kaunseling Islam. Pengkaji menggunakan kaedah temubual bagi memperoleh data secara lisan daripada pakar. Kaedah ini dipilih adalah bagi tujuan untuk mendapatkan maklumat secara mendalam terhadap keperluan kepada kaunseling Islam. Menurut Creswell (2005), temubual sesuai digunakan untuk mendapatkan data dari responden yang terlibat secara langsung dan terperinci. Satu protokol temubual telah dibina sebagai panduan dalam temubual untuk mendapat maklumat yang bersesuaian dengan keperluan kajian.

SUBJEK KAJIAN

Kajian ini dilakukan ke atas kumpulan pakar yang mempunyai bidang kepakaran dan pengalaman disamping bersesuaian dengan keperluan kajian. Kriteria pemilihan kepakaran adalah:

- a. Kepakaran dan pengetahuan berkaitan dengan bidang agama Islam seperti pendidikan Islam, usuludin dan tasawuf
- b. Kepakaran dan pengetahuan dalam bidang psikologi dan kaunseling
- c. Kepakaran dan pengetahuan dalam bidang pembinaan modul
- d. Pengamal dalam bidang psikologi dan kaunseling

Profil panel pakar kumpulan pertama adalah seperti dalam Jadual di bawah.

Jadual : Profil Panel Pakar Temu Bual

Bil	Profil Ringkas	Institusi	Bidang Kepakaran
1	Dr (Pensyarah Kanan merangkap Pengarah Pusat Islam)	UUM	Kerja sosial, Pengajian Islam, perkembangan remaja dan pembinaan modul
2	Prof Madya Dr (Pensyarah Universiti merangkap Pengarah Pusat Islam)	UKM	Usuluddin dan Tasawuf.
3	Dr (Pensyarah Kanan Universiti merangkap Ketua Jabatan Tamadun Islam)	UPSI	Pendidikan Islam, pembinaan modul dan kaunseling perspektif al-Quran
4	Pegawai Agama Pejabat Mufti	JAIS	Pengajian Islam dan pakar rujuk Pejabat Mufti
5	Ketua Kaunselor	MAINS	Kaunselor profesional berdaftar dan pengamal kaunseling perspektif Islam
6	Prof Madya Dr (Pensyarah Universiti)	USIM	Kaunseling kontemporari dan kaunseling berperspektif Islam
7	Kaunselor Profesional	Sek Men	Kaunselor profesional berdaftar dan pengamal kaunseling
8	Kaunselor Kanan	Sek Men	Kaunselor profesional berdaftar dan pengamal kaunseling perspektif Islam

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan temu bual, pengkaji telah memperoleh pelbagai pandangan dan pengalaman pakar berkaitan keperluan kepada kaunseling Islam ini. Terdapat lima tema daripada dapatan temubual iaitu, i) sebagai intervensi salah laku, ii) peningkatan daya tahan diri, iii) penghayatan agama, iv) perkembangan diri dan v) agama merupakan fitrah dan keperluan diri.

a. Keperluan Inovasi Kaunseling Islam sebagai Intervensi Salah laku

Menurut pandangan pakar, bimbingan dan kaunseling berperspektif agama adalah sangat perlu bukan sekadar alternatif tetapi keutamaan bagi merawat tingkah laku manusia. Kesejahteraan manusia terletak dengan pegangan agama. Tanpa agama akan menjadikan mereka mudah terjebak kepada salah laku yang tidak diingini. Ini dapat di lihat dalam petikan berikut:

Pakar 5 : Sangat perlu dan ia sebagai salah satu, bukan alternatif lagi dah mesti menjadi suatu yang utama yang boleh merawat tingkah laku manusia, balik kepada kehidupan yang sejahtera maknanya nak allignment manusia balik agamalah sebenarnya
(Pakar 5:223 – 225)

Pakar 7 : pada pendapat saya kan memang sewajar-wajarnya la pendekatan atau kanseling Islam ini perlu diterapkan, disebarluaskan kepada pelajar terutama sekali dalam kaunseling ataupun bimbingan sebab sekarang ni kita melihat remaja serba hari sebab pengalaman saya tengok hal remaja hari ni semakin hari semakin mencari sesuatu yang baru. dalam pencarian dia tu..err..dia melalui jalan ataupun laluan yang salah. jadi kalau seandainya pendekatan Islam tak ditanam lebih awal, makna kata para pelajar ini akan mudah terjebak dengan masalah sosial
(Pakar 7: 80-85)

Pakar 2 : ...istilah yang disebut tazkiyah al-nafs, jadi itu saya rasa model atau barangkali atau kaedah boleh digunakan untuk merawat salah laku manusia
(Pakar 2:107-108)

Menurut 6, elemen agama merupakan satu pendekatan yang boleh digunakan untuk merawat tingkah laku manusia tanpa menafikan intervensi kontemporari lain yang sedia ada.

Pakar 6 : la memang sangat penting memang perlu untuk menangani salah laku, tetapi kita juga tidak menafikan intervensi lain
(Pakar 6: 77)

b. Kaunseling Islam menekankan aspek kerohanian

Menurut pakar, kaunseling Islam lebih mengutamakan aspek dalaman iaitu dari aspek kekuatan iman dan pegangan agama. Keimanan menjadi asas penentu kepada tingkah laku positif individu.

Pakar 1 : Kita nak berubah ni kalau kita nak jadi baik eh dia berpunca dari dalaman, aspek dalaman. "Ma fi an fusihim" itu kan ialah apa yang ada dalam diri manusia. Iaitu mereka mempunyai iman dan pegangan agama
(Pakar 1:52-53)

Pakar 2 : konteks Islam ni penekanannya ialah kepada dalaman itu jadi kekuatannya bukan kekuatan fizikal tapi kekuatan diri atau pada dalaman, jadi kemampuannya untuk menangkis kita katakan pengaruh, kemampuannya untuk menahan dirinya daripada berbuat salah laku itu datangnya daripada dalaman
(Pakar 2:67-70)

Pakar 4 : Maknanya bila daya tahan itu sendiri dah tak kuat, apatah lagi datang daripada luar lagi cepatlah dipengaruhi maknanya daya tahan itu asalnya memang iman. Kalau iman tak kuat cepatlah pengaruh walaupun dia ini seorang yang IQ tinggi, otak dia bijak macam mana pun dia kurang iman maknanya dia tak tahan dengan serangan-serangan luaran ini. Iman faktor asas dia.
(Pakar 4:40-44)

c. Kaunseling Islam meningkatkan Daya Tahan

Menurut pengalaman pakar, kaunseling Islam adalah penting bagi meningkatkan daya tahan pelajar dan remaja. Remaja yang kurang daya tahan lebih mudah terjebak kepada masalah salah laku.

- TB 1 : Benda itu lah (isu salah laku) sebenarnya menjadi punca besarnya pun. Ketahanan diri eh. Aspek dalaman dia. Yang disebut dalam al-Quran kalau ikutkan boleh kod , ayat berkaitan dengan perubahan.
Maksud Ayat Al-Quran.....
“..*Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa Yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa Yang ada pada diri mereka sendiri....*”
(Pakar 1: 46-50)
- TB 4 : Maknanya bila daya tahan itu sendiri dah tak kuat, apatah lagi datang daripada luar lagi cepatlah dipengaruhi maknanya daya tahan itu asalnya memang iman. Kalau iman tak kuat cepatlah pengaruh walaupun dia ini seorang yang IQ tinggi, otak dia bijak macam mana pun dia kurang iman maknanya dia tak tahan dengan serangan-serangan luaran ini. Iman faktor asas dia
(Pakar 5:40-44)
- TB 6 : daya tahan dia kuat dan pengetahuan agama dia tinggi dia boleh menapis pujukan-pujukan daripada rakan sebaya untuk tidak terlibat kerana dalam selalunya dalam sesuatu kelompok rakan sebaya akan cuba untuk mempengaruhi dia, disinilah di mana kamu punya jati diri dan daya tahan sangat penting
(Pakar 6:36-39)

Elemen agama menjadi benteng dan daya tahan diri daripada melakukan perbuatan salah laku. Ini disebabkan agama memandu manusia kepada kehidupan yang lebih baik dan melarang perbuatan salah laku. Ini dapat dilihat daripada pernyataan temu bual pakar berikut:

- Pakar 5 : agama ataupun benteng diri. Bila di sebut benteng diri jadi maknanya ialah agama, dari sudut fahaman kita umat Islam benteng itu ialah kehidupan beragama
(Pakar 5:28-30)
- Pakar 2 : kalau pelajar tu sedar akan jati diri dia mungkin tidak akan melakukan, kemungkinan untuk masuk atau melakukan perbuatan yang salah itu saya rasa pada peratusannya lebih rendah
(Pakar 2:81-83)

d. Kaunseling Islam meningkatkan religiositi

Kaunseling Islam sangat penting untuk membantu menggalakkan dan meningkatkan penghayatan agama remaja dan pelajar. Mereka yang mempunyai pegangan dan nilai agama akan menjadikan hidup lebih terarah dan sejahtera. Segala bentuk masalah merupakan ujian dan takdir dari Allah yang ada hikmah dan menambahkan lagi keimanan mereka. Ini dinyatakan oleh pakar dalam pernyataan berikut:

- Pakar 7 : untuk menguatkan lagi keimanan kita pada ALLAH. Maknanya kalau kita didik, kaunseling atau bimbing pelajar dengan kefahaman yang betul maknanya sesuatu yang berlaku hari ini mereka tidak menyalahkan takdir terutama. jadi mereka akan fikir, ini salah satu ujian. mesti mereka akan menguatkan lagi keimanan kepada ALLAH.
(Pakar 7:88-92)
- Pakar 5 : Islam itu telah menyatakan apa yang boleh menyelamatkan kita, bila kita hidup bertuhan atau bila tuhan dalam kehidupan kita insyaAllah kita akan selamat. Tapi bila manusia melalaikan diri dari mengingati tuhan manusia

mengambil ringan tentang ketuhanan dalam kehidupan maka kita tak hairan benda-benda yang berlaku
(Pakar 5:142-146)

e. Kaunseling Islam membantu perkembangan personaliti

Pakar juga berpandangan elemen keagamaan dapat membantu perkembangan personaliti diri agar menjadi insan yang sempurna (insan kamil), dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek mereka. Insan beragama akan sentiasa memperbaiki dan meningkatkan diri mereka. Ini dapat dilihat dalam dapatan temu bual berikut:

Pakar 3 : orang yang punya roh Islam ataupun dikatakan menghayati sahsiah islamiah di mana dia akan sentiasa memantapkan atau meningkatkan 'islahun nafs' atau memperbaiki diri dan jiwa.

(Pakar 3:360-362)

Pakar 6 : kehidupan jadi nilai-nilai dan apa yang di suruh dalam agama dan apa yang dilarang dalam agama itu memang sesuatu yang membentuk yang akan menjadikan manusia itu insan kamil.

(Pakar 6:124-126)

Pakar 7 : modul ni sangat sesuai sebab pelajar sekarang ni memerlukan tarbiah Islamiah dan sahsiah Islamiah sebab di sekolah sekarang ni hanya fokus pada akademik, ponteng, merokok sahaja. tapi di mana sahsiah tu..akademik, mata pelajaran, subjek-subjek..rokok, berhenti merokok, sejauh mana ni kan..dadah, berhenti dadah apa semua kan. tapi kat mana sahsiah tu sebab sahsiah perlu dicari di dalam..kita

(Pakar 7:399-403)

f. Kaunseling Islam meletakkan agama sebagai fitrah

Keperluan kepada agama merupakan fitrah dan keperluan manusia. Justeru itu bimbingan dan kaunseling perspektif Islam merupakan satu keperluan sejajar dengan kehendak naluri untuk membangunkan diri dan membantu menyelesaikan semua persoalan hidup. Ini dinyatakan oleh pakar seperti berikut:

Pakar 5 : agama yang tuhan ciptakan untuk manusia supaya manusia akan lebih sejahtera, akan lebih bahagia di dunia tapi kita akan melawan dengan nafsu sebab itu memerlukan kekuatan, kesabaran, memerlukan kekuatan, memerlukan kehendak-kehendak kita yang bersifat semula jadi manusia. Jadi kalau kita nak bina modul nanti tidak dapat tidak yang bersifat kembali kepada tuhan itu mesti ada

(Pakar 5:181-185)

Pakar 6 : hampir kesemua manusia dia punya imej ialah agama dan merupakan satu elemen yang sangat penting. Oleh kerana hampir keseluruhan manusia mempunyai agama jadi tentunya ada satu keistimewaan tentang agama, jadi keistimewaan itu mesti digunakan dalam kita menangani, menyelesaikan masalah dan bila kita nak cerita masalah tingkah laku yang istimewa itu boleh kita gunakan untuk selesaikan masalah tingkah laku

(Pakar 6:98-103)

Pakar juga berpendapat, intervensi keagamaan mempunyai kekuatan yang tersendiri. Terdapat empat tema berkaitan kekuatan bimbingan dan kaunseling perspektif Islam iaitu; i) memenuhi keperluan secara komprehensif, ii) penekanan aspek spiritual, iii) bersumber kepada wahyu, dan iv) tanggungjawab dakwah.

g. Kaunseling Islam Bersifat Komprehensif dan memenuhi Keperluan Manusia

Bimbingan dan kaunseling perspektif Islam bersifat menyeluruh yang meliputi keperluan manusia dari segi jasmani dan rohani. Menurut dapatan temu bual, dalam perspektif Islam ia bukan sahaja menyentuh elemen kognitif, afektif dan tingkah laku akan tetapi melangkaui kepada elemen spiritual. Perkara ini dapat dilihat dalam pernyataan pakar berikut:

Pakar 4 : iman, taqwa dan akhlak kemudian didik dia dengan akhlak ni ada dua yang pertamanya dari segi zahir dan yang kedua batinnya. Akhlak yang zahir dia macam syariat juga, melakukan perkara-perkara yang diperintahkan oleh Allah

(Pakar 4:85-87)

Pakar 7 : memang menyeluruh. Kalau yang biasanya agak sempit dan dan hanya melihat pada konsep tertentu

(Pakar 7:146-147)

Pakar 8 : Islam tu menyeluruh dan bila kita tak masukkan nilai Islam dalam kaunseling sebenarnya kita membuang satu unsur yang sangat penting sebab agama itu datang dari ALLAH

(Pakar 8:62-63)

h. Penekanan Aspek Spiritual dan Kerohanian

Dapatan temu bual pakar juga mendapati, kekuatan bimbingan dan kaunseling Islam ia menekankan aspek spiritual yang menjadi teras kepada tingkah laku manusia.

Pakar 2 : konsep Islam, hakikat keimanan tu bukan luaran tapi keimanan dalaman, dalaman itu dirujuk kepada hati manusia, hati itu yang beriman, hati yang beriman melahirkan kekuatan,

(Pakar 2:77-79)

Pakar 4 : Al-Ghazali, dia menggunakan kekuatan batin berdasarkan kepada hadis yang bermaksud dalam diri manusia ada seketul daging kalau dia baik baiklah penampilan kalau dia buruk maka buruklah penampilan. Itulah dia sebabnya pendekatan ini menggunakan daripada dalam. Hati itu dia sultan atau raja, dia yang akan mengarahkan tindak-tanduk anggota dia

(Pakar 4:131-134)

Pakar 5 : Modul atau perawatan-perawatan yang lain yang tidak bersifat spiritual kita tak adalah kata dia salah dan tidak dapat dirawat tetapi melihat kepada hakikat keperluan manusia yang mempunyai jiwa. Jiwa ini dalam aspek agama namanya roh, kalau roh tak dibagi makan kurus keringlah roh itu. Sebab itu roh makanannya ialah kehidupan bertuhan, amalan agama, pengisiannya kandungannya ialah member kesihatan rohaniah

(Pakar 5:234-238)

Pakar 8 : dari sudut perspektif Islam, memang diakui la spiritual tu memang wujud dalam diri manusia. Unsur rohani tu wujud dalam diri dia. Jadi unsur rohaniah ni la yang membentuk tingkah laku manusia ni sebenarnya. Bukan sekadar pemikiran dan perasaan dia..

(Pakar 8: 76-80)

i. Bersumber Wahyu Sebagai Panduan

Pakar juga berpendapat, keistimewaan intervensi perspektif Islam adalah ia bersumber kepada wahyu dari Allah SWT iaitu al-Quran demi kesejahteraan manusia. Perkara ini diperakui oleh pakar dalam pernyataan berikut:

- Pakar 3 : ..kalau kita menggunakan al-Quran ini selain daripada kita memahami dan menghayati al-Quran; penting sekali al-Quran itu merupakan tempat kita mendapat rahmat, mendapat barakah
(Pakar 5:553-555)
- Pakar 4 : Hanya Allah yang boleh selesaikan kita ambillah kaedah, modul yang Allah berikan mengikut al-Quran dan Sunah
(Pakar 4:28-29)
- Pakar 6 : yang penting kamu ambil semua penulisan yang baik dan yang penting ialah Quran sebagai asas
(Pakar 6: 161-162)
- Pakar 8 : Islam dalam kaunseling sebenarnya kita membuang satu unsur yang sangat penting sebab agama itu datang dari ALLAH yang kita faham dari sudut perspektif Islam lah. Agama tu datang dari pencipta manusia tu sendiri.
(Pakar 8:62-65)

Di dalam al-Quran terdapat banyak panduan berkaitan intervensi yang bersesuaian dengan persoalan dan permasalahan yang dihadapi oleh manusia. Ini dinyatakan oleh pakar dalam pernyataan berikut:

- Pakar 5 : Banyak sangat dalam al-Quran sebagai rawatan-rawatan yang Allah telah beri panduan kepada kita untuk gunakan, tapi hairan bila kita manusia bersikap nafsu suruh sembahyang suruh berzikir tapi itulah hakikat yang sebenarnya perawatan yang tuhan turunkan untuk kita.
(Pakar 5:173-176)
- Pakar 6 : ...contohnya dalam Quran disebutkan kalau kita nak berkata-kata kena lemah-lembut berdasarkan itu dengan kamu punya elemen dalam kamu memberi sesi itu nanti kamu kena lemah lembut, dalam Islam kena bersederhana, maksudnya kamu tidak boleh memaksa di peringkat awal
(Pakar 6:152-155)

j. Kaunseling Islam merupakan Dakwah

Proses membimbing dan memberikan kaunseling merupakan salah satu tanggungjawab dakwah. Kaunselor atau pembimbing perlu membantu pelajar ke arah kebaikan, di mana setiap tanggungjawab yang dilaksanakan akan mendapat ganjaran dari Allah SWT. Ini dinyatakan oleh pakar dalam dapatan temu bual berikut:

- Pakar 3 : ...sifat sebagai seorang kaunselor haruslah merasakan diri mereka itu adalah seorang pendakwah
(Pakar 3:645-647)
- Pakar 7 : ...dari segi Islam ni..menjadi kaunselor sendiri meletakkan diri tu sendiri sebagai satu dakwah dan tanggungjawab..kalau yang biasa mungkin hanya sekadar tanggungjawab biasa la
(Pakar 7:148-150)
- ...itu adalah dakwah kita yang mana kita akan dapat pahala daripada ALLAH Subhanahu Wa Taala. kalau selagi mana kita membantu, selagi itulah kita akan dapat.
(Pakar 7:139-140)
- ...jadi kita boleh untuk membawa pelajar ke arah kebaikan...
(Pakar 7:480-481)

Hasil kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji memperlihatkan perlunya kepada inovasi dalam kaunseling melalui kaunseling Islam. Pakar berpandangan keagamaan sangat penting sebagai intervensi kepada permasalahan salah laku. Ini bertepatan dengan kajian Donahue dan Benson (1995), di mana pendekatan agama dapat membantu mengurangkan keterlibatan remaja kepada tingkah laku delinkuen. Kajian oleh Higginbotham dan rakan-rakan (2007) juga membuktikan remaja yang mempunyai amalan agama yang rendah lebih cenderung melakukan keganasan berbanding mereka yang mempunyai amalan agama yang tinggi. Kajian oleh Saadah, Salwan dan Roslee (2008) juga menyokong bahawa elemen agama penting sebagai intervensi salah laku. Kajian kes oleh Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan (2009) turut membuktikan pendekatan Islam dapat membantu menangani masalah disiplin tegar.

Amalan agama merupakan antara konstruk utama pembentukan resiliensi individu. Ini menyokong kajian-kajian sebelum ini, di mana terdapat hubungan yang signifikan antara religiositi dan resiliensi seseorang (Lee & rakan-rakan, 2008; Nor Azlina, 2009; Md Noor & Nadiyah, 2011). Faktor keagamaan merupakan antara asas pembentukan resiliensi individu (Wignild dan Young, 1993; Graham dan rakan-rakan, 2001). Kajian oleh Graham dan rakan-rakan (2001) mendapati, individu yang mengamalkan keagamaan dapat meningkatkan resiliensi diri berbanding mereka yang tidak mengamalkan keagamaan.

Kaunseling Islam bersesuaian dengan nilai dan fitrah manusia. keagamaan juga disebabkan agama sendiri merupakan fitrah semula jadi manusia bagi membantu membina kesejahteraan diri. Dapatan berkenaan menyokong kajian oleh Yatimah (2005) dan Yatimah dan Tajudin (2008) di mana dimensi agama mengiktiraf perkembangan fitrah dan keperluan manusia dari aspek jiwa, roh dan jasad yang penting bagi melahirkan insan yang seimbang. Elemen agama merupakan antara faktor yang membantu kefungsihan kehidupan manusia (American Psychological Association, 2011). Kajian oleh Graham dan rakan-rakan (2001) dan Gallup (2008) turut menyokong keperluan agama untuk kesejahteraan insan, meningkatkan kefungsihan kehidupan, keefisienan hubungan interpersonal dan kestabilan emosi.

Sehubungan dengan itu juga, kaunseling Islam menyentuh keperluan manusia secara menyeluruh. Kehidupan dan kelangsungan hidup manusia memerlukan keseimbangan antara jasmani dan rohani. Pendekatan agama dilihat lebih menyeluruh mencakupi keperluan manusia. Aplikasi Whole Person Counseling dianggap sebagai kaunseling sebenar kerana ia membincangkan tentang aspek manusia yang meliputi aspek jiwa, roh dan jasad (Yatimah & Tajudin, 2008).

Jelasnya, berdasarkan dapatan kajian dan penulisan literatur menunjukkan inovasi amalan kaunseling meletakkan keperluan kepada perkhidmatan kaunseling Islam sebagai nilai tambah kepada amalan sedia ada. Ia bukan sahaja bersesuaian dengan keperluan manusia tetapi juga serasi dengan nilai setempat.

KESIMPULAN

Kajian awal berhubung keperluan intervensi keagamaan dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling memberikan sumbangan kepada kajian seterusnya untuk

melihat model intervensi dalam kaunseling keagamaan serta kesan intervensi keagamaan terhadap perkembangan diri klien.

Dapatan kajian ini secara langsung dapat memperkembangkan lagi ilmu berkaitan bimbingan dan kaunseling mendasari elemen keagamaan khususnya dalam perspektif Islam. Ia dapat dijadikan panduan kepada pengamal tentang pendekatan intervensi yang bercorak 'indigenous' (pribumi) bersifat tempatan yang sesuai dengan budaya dan amalan masyarakat yang beragama Islam. Intervensi keagamaan boleh dijadikan nilai tambah kepada amalan sedia ada bagi membantu kaunselor melaksanakan tanggungjawab mereka.

Kaunseling Islam masih berada di peringkat awal yang memerlukan perhatian serius untuk dikembangkan melalui latihan yang berterusan serta kajian-kajian dari pelbagai aspek. Kurikulum yang menyeluruh perlu diketengahkan. Usaha ini memerlukan kerjasama semua pihak sama ada di Malaysia, Indonesia, Brunei dan Nusantara membina jaringan proaktif bagi merealisasikan cita-cita murni tersebut.

RUJUKAN

- Abdul Halim Othman. (2000). *Kaunseling untuk kesejahteraan insan: Satu pengalaman di Malaysia*. Universiti Malaysia Sabah: Sabah
- Amla Salleh. (2004). *Strategi awal mencegah gejala sosial: Apa yang dapat dilakukan oleh kaunselor?*. Prosiding Seminar Kebangsaan ke 3 Psikologi dan Masyarakat 2004, 4-5 Oktober 2004
- Allen, Jackie, M., Coy & Rhea, D. (2004). *Linking spirituality and violence prevention in school counseling*. Professional School Counseling, 7(5), 351-355.
- American Psychological Association. Dicapai dari <http://www.apa.org/about/division/div36.aspx>
- Belaire, Christine & Scott, Y.J. (2000). *Influences of spirituality on counselor selection*. Counseling & Values, 3, p189-197.
- Bruce, Alice, M., Cockreham & Debbie. (2004). *Enhancing the spiritual development of adolescent girls*. Professional School Counseling, 7 (5), 334 -342.
- Creswell, J.W. (2005). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. New Jersey: Pearson Education Inc
- Curtis, Russell,C., Davis & Keith,M. (1999). *Spirituality and multimodal therapy: a practical approach to incorporating spirituality in counseling*. Counseling & Values, 3, 199 – 211
- Donahue, M.J., & Benson, P.L. (1995). *Religion and well being of adolescents*. Journal of Social Issues, 51, 145-160.
- Everts, J.F. & Agee, M.N. (1995). *Including spirituality in counselor education: Issues for consideration, with illustrative reference to a New Zealand example*. Journal For The Advancement Of Counseling, 17, 291- 302.
- Finney, J. R., & Maloney, H. N. (1985). *Empirical studies of Christian prayer: A review of the literature*. Journal of Psychology and Theology, 13, 104-115
- Gallup poll. (2008). Dicapai dari <http://www.gallup.com/poll/1690/Religion>
- Graham, S., Furr,S., Flores, C. & Burke, M.T. (2001). *Religion and spiritual in coping with stress*. Counseling and Values, 46, 2-13.
- Hall,C.R, Dixon,W.A & Mauzey, E.D. (2004). *Spirituality and religion: implications for counselor*. Journal of Counseling and Development. 82:4, 504 -508.

- Hawkins, S.R., Graham, P.W., Williams, J. & Zahn, M.A. (2009). *Resilient girls: Factors that protect against delinquency*. Office of juvenile justice and delinquency prevention. Dicapai dari <http://www.ojp.usdoj.gov/ojjdp>.
- Higginbotham, B.J., Ketring, S.A., Hibbert, J., Wright, D.W., & Guarino, A. (2007). *Relationship religiosity, adult attachment styles and courtship violence experienced by female*. *Journal Fam Violence*, 22, 55-62.
- Jamiah Hj Manap, Azimi Hamzah & Hasnan Kasan. (2006). *Beliawanis Islam Malaysia – profil religiositi, personaliti dan lencongan tingkah laku*. Prosiding Seminar Psikologi Pembangunan Komuniti ISM-UKM. Universiti Kebangsaan Malaysia, 20 & 21 Disember 2006.
- Ismail Awang. (2009). *Pembangunan modal insan holistik mampu bentuk belia kuat jati diri*. *Berita Harian*, 18 Mei: 2009.
- Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan. (2009). *Pendekatan Islam dalam menangani masalah disiplin tegar dalam kalangan pelajar sekolah: satu kajian kes*. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1 (2), 1 -14
- Kelly, E. W. (1994). *The role of religion and spirituality in counselor education: a national survey*. *Counselor Education and Supervision*, 33, 227-237.
- Lee, H.S., Brown, S.L., Mitchell, M.M. & Schiraldi, G.R. (2008). *Correlates of resilience in the face of adversity for Korean women immigrating to the US*. *J Immigrant Minority Health* 10, 415-422
- Malek Badri. (1995). *Successes with Islamic Counseling and Psychoteraphy*. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Kaunseling Islam IV, di Kuala Lumpur.
- Malek Badri. (1997). *Is the Islamization of psychology therapy and counseling really necessary? And are the contribution of early muslim scholars of any relevance to modern psychotherapist?*. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Kaunseling Islam VI, di Kuala Lumpur.
- Malek Badri. (2001). Fadlullah Wilmot (penterjemah). *Dilema ahli psikologi Islam*. Kuala Lumpur: Medeena Books.
- McIntosh, D.N. (1995). *Religion as schema with implication for the relation between religion and coping*. *International Journal for The Psychology of Religion*, 5, 1-16
- Md Noor Saper & Nadiyah Elias. (2011). *Hubungan religiositi (keagamaan) dan resiliensi (daya tahan) dalam kalangan pelajar*. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Psikologi 2011 pada 21 Julai 2011 di UPSI.
- Miller, W. R. & Thoresen, C.E (2003). *Spirituality, religion and health: an emerging research field*. *American Psychologist*, 58, 24 -35.
- Miller G. (1999). *The development of spiritual focus in counseling and counselor education*. *Journal of Counseling and Development*, 77. 498-501.
- Myers JE & Williard K. (2003). *Integrating spirituality into counselors preparation: a developmental, wellness approach*. *Counseling and Values* 47.
- Nor Azlina Abdul Wahab. (2009). *Hubungan keagamaan dengan ketahanan diri dalam kalangan pelajar sekolah menengah daerah Pendang*. Tesis Universiti Utara Malaysia.
- Othman Mohamed. (2005). *Prinsip psikoterapi dan pengurusan dalam kaunseling (2nd ed.)*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Othman Jailani. (2008). *Salah laku pelajar sekolah – peranan kaunselor*. Dlm Othman Mohamed, Maznah Baba dan Wan Marzuki Wan Jaafar (pnyt). Penyelidikan dalam amalan kaunseling. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Saadah Sumrah, Salwan Sudirman & Roslee Ahmad. (2008). *Kaedah menangani kanak-kanak bermasalah tingkah laku*. Kertas Kerja Seminar Kaunseling Keluarga 2008 di Universiti Teknologi Malaysia.

- Sapora Sipon. (2009). *Keperluan elemen agama dalam disiplin ilmu kaunseling*. Dlm Sapora Sipon, Abd Halim Mohd Hussin, Zuria Mahmud & Rusnani Abdul Kadir (pnyt). *Isu-Isu Kaunseling di Malaysia*. Kuala Lumpur: PERKAMA
- Wan Abd. Kader Wan Ahmad & Ismail Abdul Ghani. (2006). *Islam dan kaunseling: satu penilaian kritikal terhadap teori dan pendekatan*. Dalam Kaunseling. Dakwah dan Kaunseling di Malaysia (Fariza Md Sham, Siti Rugayah Tibek Othman Talib (pnyt). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wignild, G.M. & Young, H.M. (1993). *Development and psychometric evaluation of the resilience scale*. *Journal of Nursing Measurement* 1: 165-178.
- Yatimah Sarmani. (2005). *Pendekatan kaunseling Islam. Satu analisis kualitatif model kaunseling berasaskan sifat-sifat manusia oleh Imam Ghazali*. Tesis Dr. Fal. Universiti Teknologi Malaysia Skudai.
- Yatimah Sarmani & Mohd Tajudin Ninggal. (2008). *Teori Kaunseling Al-Ghazali*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd